

Kesan objek anomali bawah tanah

Kuala Lumpur: Kerja mengorek di lokasi utama kejadian tanah jerlus di Jalan Masjid India di sini, semalam susulan penemuan objek anomali berada satu meter di bawah tanah oleh Radar Menembusi Tanah (GPR), gagal menemukan mangsa hilang.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan semalam memaklumkan, pasukan mencari dan menyelamat (SAR) membuat korekan dengan kedalaman satu hingga dua meter yang berskala kecil di manhole (lurang kumbahan) satu di lokasi utama kejadian atau ground zero.

“Korekan dibuat selepas Ground Penetrating Radar (GPR) mengesan kemungkinan terdapat objek anomali (objek tidak wajar) berada 1.0 meter bawah tanah dalam kawasan ‘ground zero’.

“Aktiviti korekan dijalankan sedalam 1.5 meter secara ‘manual shoring’ (sistem sokongan sementara secara manual) oleh pasukan SAR, namun penemuan adalah negatif,” katanya.

Tambahnya, kerja korekan manual dihentikan jam 10.15 malam kelmarin. Sebelum ini DBKL memaklumkan operasi SAR akan diteruskan pada sebelah malam selepas memfokuskan pencarian menggunakan GPR pada siang hari.